



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENERAPAN NILAI-NILAI MURNI DALAM PROSES PENGAJARAN
DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN SENI VISUAL DI TINGKATAN
DUA SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN MANEK URAI,
KELANTAN : SATU KAJIAN KES**

NOR ANUWAR BIN HAMAT



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN SYARAT
UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN SENI VISUAL**

**FAKULTI SENI DAN MUZIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2007



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa kajian ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

31. 03. 2007

.....
NOR ANUWAR BIN HAMAT
M20051000161





DECLARATION

I hereby declare that the work in this dissertation is my own except for quotation and summaries which have been duly acknowledged.

31.3.2007

.....
NOR ANUWAR BIN HAMAT
M20051000161





PENGHARGAAN

Syukur kehadiran Allah S.W.T. dengan kurnia dan izinNya penyelidik telah berjaya menyelesaikan disertasi ini.

Penyelidik ingin merakamkan terima kasih kepada penyelia iaitu Dr. Ahmad Suhaimi Bin Mohd. Noor atas kesudian dan kesungguhan beliau memberikan dorongan, bimbingan, teguran dan nasihat sehingga penyelidik dapat menyiapkan disertasi ini. Penghargaan dan ucapan terima kasih juga dirakamkan kepada Profesor Tjet JeP Rohendi Rohidi, Profesor Madya Th. Hj Iberahim, En. Halim, En. Roskang dan pensyarah dari Fakulti Pendidikan Seni dan Muzik yang banyak menghulurkan bantuan dan kerjasama ketika penyelidik memerlukannya.

Terima kasih juga kepada pengetua, guru-guru, dan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Manek Urai, juga kepada kawan-kawan iaitu En. Murad, En. Afandi, En. Hilmi, En. Roslan dan semua kawan-kawan sekelas Pengajian Sarjana Pendidikan Seni.

Seterusnya terima kasih yang tidak terhingga kepada isteri Nik Aida Musnie yang banyak memberikan dorongan dan semangat walaupun pada masa yang sama sedang belajar sepenuh masa di UPSI. Anak-anak Anis Amirah, Anis Amisyah, Anis Nabila dan Ahmad Faris terima kasih abah ucapkan kerana banyak menyokong abah walaupun selalu ditinggalkan, juga mak baba dan mama.





ABSTRAK

Nilai-nilai murni ialah suatu amalan mulia yang merentasi individu, kekeluargaan, masyarakat dan kenegaraan. Ia merupakan nilai sejagat yang dituntut oleh agama, adat resam, dan kebudayaan. Penerapan nilai-nilai murni dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah perlu bagi meningkatkan disiplin di kalangan pelajar, seterusnya mendidik mereka hidup bermasyarakat. Kajian ini dilakukan untuk melihat penerapan nilai-nilai murni dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Kajian ini memfokuskan kepada pelajar Tingkatan Dua Sains Satu (2Sc1) di Sekolah Menengah Kebangsaan Manek Urai, Kuala Krai, Kelantan. Seorang guru dan seorang pelajar dipilih untuk ditemubual. Kajian ini dijalankan untuk melihat Proses penerapan nilai-nilai murni, amalan-amalan nilai murni, keberkesanan dan juga keperluan nilai murni dalam Pendidikan Seni Visual. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan pendekatan kualitatif dan menggunakan reka bentuk kajian kes. Data diperolehi dengan cara pemerhatian, dokumen, temu bual dan juga membuat rakaman visual bagi memudahkan pemerhatian semula. Data yang diperolehi dianalisis dengan membuat pengkodan dan pengkategorian. Daripada analisa yang dibuat didapati penerapan nilai-nilai murni berlaku dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Satu rumusan telah dibuat dan juga beberapa cadangan telah di kemukakan untuk kajian selanjutnya.





ABSTRACT

Good moral values are commendable practices that goes beyond the individual, family, community and nation. These values are sought and practised through religious beliefs, customs and culture. Educationists hold true to these values by instilling discipline in classes and ensuring good social behavior of their students. This research was done to measure the implementation of such values in the learning and teaching of visual arts. The research focus was on a class (Form 2 Science 1) of the Sekolah Menengah Kebangsaan Manek Urai, at Kula Krai in Kelantan. Two informants; one teacher and a student were selected for the interview. A qualitative approach was taken to analyse the implementation processes of such values, its effectiveness and the need for these values in visual arts education. All data was done through observation, documentation, interviews and visual recordings. The collected data was analysed by coding and categorisation. From the analyses it was discovered that good moral values does play an important role in the proccess of teaching and learning of visual arts in education. A conclusion was reached and recommendation of ideas is put for furthe research.





KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENGAKUAN	ii
DECLARATIONS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 PENGENALAN	1
1.1.1 Nilai-Nilai Yang Diterapkan Dalam Pendidikan Seni Visual	2
1.1.2 Nilai-Nilai Murni	2
1.1.3 Konsep Nilai Murni	3
1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN	11
1.3 OBJEKTIF KAJIAN	12
1.4 PERSOALAN KAJIAN	12
1.5 KEPENTINGAN KAJIAN	13
1.6 BATASAN KAJIAN / SKOP KAJIAN	14
BAB 2 KAJIAN LITERATUR	16
2.1 PENGENALAN	16
2.2 NILAI	16
2.2.1 Konsep Nilai dan Definisi Nilai.	16
2.2.2 Fungsi Nilai Dan Amalan Nilai	18
2.2.3 Etika Keperibadian Mulia Menurut Aristotle	20
2.2.4 Jenis-Jenis Nilai	22
2.4.5 Penerapan Nilai-Nilai Islam.	24
2.4.6 Nilai Masyarakat Malaysia.	25
2.2.7 Nilai Dalam Konteks Pendidikan.	27
2.4.8 Pengajaran Nilai Di Sekolah	28
2.4.9 Amalan Murni Di Sekolah	30
2.4.10 Penghayatan Nilai Murni Ke Arah Pembentukan Disiplin Pelajar	32
2.4.11 Kajian Tentang Nilai Moral	32
2.5 STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DALAM PENDIDIKAN SENI VISUAL	34
2.6 TEORI PEMBELAJARAN	37
2.6.1 Aktiviti Pengajaran Dan Pembelajaran	39
2.6.2 Peranan Guru	40
2.6.3 Kandungan Kurikulum (Pendidikan Seni Visual)	44
2.6.4 Persekitaran Kelas	48
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	49
3.1 PENGENALAN	49





BAB 4

3.2	REKA BENTUK KAJIAN	49
3.2.1	Definisi Kajian Kes	50
3.2.2	Tujuan Kajian Kes	54
3.2.3	Ciri-Ciri Kajian Kes	55
3.2.4	Kaedah Kajian Kes	58
3.3	FOKUS KAJIAN	58
3.4	SUMBER DATA DAN TEKNIK PENGAMBILAN DATA	59
3.4.1	Melalui kaedah temu bual	59
3.4.2	Pemerhatian	62
3.4.3	Dokumen	64
3.4.4	Rakaman Visual	65
3.5	ANALISIS DATA	66
3.5.1	Analisis Induktif	69
3.5.2	Membina Sistem Kategori	70
3.5.3	Proses Pengkategorian Dan Pengekodan	71
3.5.4	Analisis Logikal	73
3.6	PEMBINAAN JADUAL PENYELIDIKAN ANALISIS DATA	73
4.1	Pengenalan	74
4.2	ANALISIS DATA PEMERHATIAN 1	77
4.3	ANALISIS DATA PEMERHATIAN 2	81
4.4	ANALISIS DATA PEMERHATIAN BILIK SENI	88
4.5	ANALISIS DATA TEMU BUAL GURU	93
4.6	ANALISIS DATA TEMU BUAL PELAJAR	98
4.7	ANALISIS DATA DOKUMEN	105
4.8	Menjawab soalan " <i>Adakah berlaku penerapan nilai-nilai murni dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Seni Visual ?</i> "	117
4.9	Menjawab soalan " <i>Adakah amalan nilai-nilai murni berlaku dalam hubungan antara guru dengan pelajar dan sesama pelajar didalam kelas ?</i> ".	120
4.10	Menjawab soalan " <i>Adakah penerapan nilai-nilai murni berlaku dengan berkesan semasa poses pengajaran dan pembelajaran ?</i> ".	123
4.11	Menjawab soalan " <i>Adakah penerapan nilai murni perlu dilakukan dalam Mata Pelajaran Pendidikan Seni Visual ?</i> ".	125
BAB 5	KESIMPULAN DAN CADANGAN	128
5.1	Pengenalan	129
5.2	KESIMPULAN	129
5.3	CADANGAN KAJIAN	131
5.4	PENUTUP	132



JADUAL	134
JADUAL 2.1 PERBANDINGAN NILAI	19
JADUAL 3.1 MATRIK PENGUMPULAN DATA	66
JADUAL 4.1 ANALISIS DATA (PENGEKODAN)	76
JADUAL 4.2 ANALISIS DATA PEMERHATIAN 1	77
JADUAL 4.3 ANALISIS DATA PEMERHATIAN 1 (PENGEKODAN)	80
JADUAL 4.4 ANALISIS DATA (PENKATEGORIAN)	81
JADUAL 4.5 DAPATAN DARIPADA PEMERHATIAN 2	82
JADUAL 4.6 ANALISIS DATA PEMERHATIAN 2 (PENGEKODAN)	86
JADUAL 4.7 ANALISIS DATA (PENKATEGORIAN)	88
JADUAL 4.8 DAPATAN DARIPADA PEMERHATIAN BILIK SENI	89
JADUAL 4.9 ANALISIS DATA PEMERHATIAN BILIK SENI (PENGEKODAN)	92
JADUAL 4.10 ANALISIS DATA (PENKATEGORIAN)	93
JADUAL 4.11 DAPATAN DARIPADA DATA TEMU BUAL GURU	94
JADUAL 4.12 ANALISIS DATA (PENGEKODAN)	96
JADUAL 4.13 ANALISIS DATA (PENKATEGORIN)	97
JADUAL 4.14 DATA TEMU BUAL PELAJAR	98
JADUAL 4.15 DAPATAN DARIPADA DATA TEMU BUAL	99
JADUAL 4.16 DATA TEMU BUAL PELAJAR (PENGEKODAN)	104
JADUAL 4.17 ANALISIS DATA (PENKATEGORIAN)	105
JADUAL 4.18 DATA DOKUMEN	106
JADUAL 4.19 ANALISIS DATA DOKUMEN	111
JADUAL 4.20 ANALISIS DATA (PENGEKODAN)	115
JADUAL 4.21 ANALISIS DATA (PENKATEGORIAN)	116
RAJAH	135
RAJAH 2.1 NILAI KEHIDUPAN	24
RAJAH 2.2 PETA KONSEP	38
RUJUKAN	136
A BUKU	
B TESIS	

LAMPIRAN

LAMPIRAN 1 : SURAT KEBENARAN MEMBUAT KAJIAN DARIPADA PIHAK SEKOLAH
LAMPIRAN 2 : JADUAL KAJIAN
LAMPIRAN 3 : PEMERHATIAN 1
LAMPIRAN 2 : PEMERHATIAN 2
LAMPIRAN 3 : PEMERHATIAN 3
LAMPIRAN 4 : TEMU BUAL GURU
LAMPIRAN 5 : TEMU BUAL PELAJAR
LAMPIRAN 6 : DOKUMEN.
LAMPIRAN 7 : GAMBAR.



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN



Mata Pelajaran Pendidikan Seni Visual merupakan satu mata pelajaran yang diajar di sekolah rendah dan menengah disemua sekolah kerajaan. Ia dilaksanakan bertujuan untuk membentuk insan yang mempunyai keperibadian murni. Kandungan Sukatan Mata Pelajaran Pendidikan Seni Visual telah digubal untuk memenuhi semua aspek kehidupan manusia selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara.

Pendidikan Seni Visual memfokuskan kepada seni tampak dan tidak merujuk kepada seni lain. Di sekolah menengah Pendidikan Seni Visual lebih menekankan kepada aktiviti-aktiviti yang melibatkan proses penghasilan yang melibatkan aspek pemahaman, penghayatan dan kritikan. Ia melibatkan perasaan estetik dan daya kreativiti individu melalui penajaman daya intuisi, persepsi, imaginasi dan konseptual pelajar. Adalah diharapkan agar pelajar dapat mengamalkan pertimbangan seni visual, meningkatkan lagi



kepekaan, menjadi pengkarya yang rasional dan mampu mengendalikan kehidupan dengan membawa bersama nilai yang disebutkan.

Kurikulum Pendidikan Seni Visual Sekolah Menengah meliputi perkara yang berkait dengan seni halus, komunikasi visual, reka bentuk dan kraf tradisional. Pelajar diharapkan dapat diterapkan dengan penghayatan terhadap Warisan Seni Visual dan mengamalkannya terutama dalam meningkatkan nilai hidup.

1.1.2 Nilai-Nilai Yang Diterapkan Dalam Pendidikan Seni Visual ialah :

- Menghargai keindahan dan keharmonian alam ciptaan tuhan dan hubungan dalam masyarakat serta berusaha memeliharanya.
- Peka terhadap keadaan keharmonian, keindahan dan keselesaan dalam segala perbuatan.
- Sentiasa memberikan perhatian kepada ketelitian dan kehalusan kerja seperti menggunakan alat dan bahan dengan betul, merancang kerja dengan teratur, kesungguhan terhadap proses penghasilan dan memberikan perhatian kepada kemasan.
- Menghargai hasil-hasil seni sebagai warisan budaya.
- Menghargai tokoh seni dan sumbangan mereka terhadap perkembangan budaya.

1.1.3 Nilai-Nilai Murni

Pengamalan nilai-nilai murni serta kesantunan budi bahasa adalah penting terutamanya bagi negara yang berbilang kaum seperti Malaysia. Nilai-nilai murni serta budi bahasa mewujudkan rasa saling menghormati yang amat diperlukan untuk kehidupan masyarakat majmuk yang aman dan harmoni.

Yang kurik itu kendi

Yang merah itu saga

Yang molek itu budi

Yang indah itu bahasa

Nilai-nilai murni serta budi bahasa juga penting bagi menghasilkan masyarakat yang benar-benar membangun dan bertamadun. Pembangunan yang seimbang bukan sahaja mengambil kira dimensi ekonomi, tetapi juga mentaliti sesebuah masyarakat. Hasrat kerajaan adalah untuk mewujudkan masyarakat Malaysia yang mendukung pemikiran kelas pertama. Pengamalan etika yang luhur, budaya kerja yang mengutamakan adap sopan yang terpuji berupaya menaikkan nama Malaysia di mata dunia. Ia berupaya memartabatkan kita warga negara yang beretika. (Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Warisan Malaysia).

Amalan murni menjadi nilai tambah kepada kehidupan. Sesungguhnya sopan santun dan nilai-nilai murni adalah adunan hidup yang tidak harus dilemahkan oleh cara hidup moden. Seperti kata pepatah: Seperti padi, lagi runduk, lagi berisi. (Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim).

1.1.4 Konsep Nilai Murni.

Nilai Murni merupakan salah satu elemen penting yang terdapat dalam Rukun Negara (Kesopanan dan Kesusilaan). Ia merupakan satu konsep yang dijadikan asas oleh masyarakat dalam membuat penilaian, mengukur, dan membuat pilihan dan keputusan terhadap sesuatu perkara, darjat, kualiti, taraf perilaku dan benda mengenai seseorang atau kelompok orang sebagai baik, berharga dan bernilai.

Nilai murni juga perlu dikaitkan dengan budi bahasa yang merujuk kepada perbuatan, kelakuan, tutur kata, tatahidup, pemikiran dan perasaan baik terhadap orang lain sebagai peribadi dan juga dalam kehidupan bermasyarakat. Konsep ini juga berkaitan dengan amalan mulia, adil, hormat, bijaksana, berani, setia, malu, sabar sopan dan lain-lain.

Nilai-nilai ini bertujuan untuk memastikan setiap warganegara haruslah menjaga tatasusila masing-masing supaya setiap perbuatan dan tingkah laku tidak menyinggung perasaan orang lain. Ini meletakkan tatasusila sebagai satu darjah yang tinggi dalam amalan kehidupan bermasyarakat.

Menurut Abd Rahim Abd Rashid (2001), mengatakan bahawa nilai murni bermaksud nilai yang baik yang dapat membina keharmonian kekuatan dan pembangunan individu serta masyarakat. Nilai murni perlu dikembangkan bagi mengatasi dan membendung pelbagai krisis yang dihadapi masyarakat. Nilai murni perlu diamalkan sebagai teladan dan tindakan dalam segala aspek kehidupan manusia. Ia perlu diamalkan oleh segenap lapisan dari kanak-kanak sehinggalah orang tua.

“Sesuatunya bangsa hanya boleh bertahan selama mereka masih memiliki akhlak. Bila akhlak telah lenyap dari mereka, maka mereka pun akan lenyap jua.” (Ahmad Shauqi, 1868-1932).

Umumnya, nilai-nilai murni yang diterima dan diamalkan oleh masyarakat Malaysia yang merentasi individu, kekeluargaan, masyarakat dan kenegaraan adalah nilai-nilai sejagat yang dituntut oleh agama, kepercayaan, adat resam dan kebudayaan. Antara nilai-nilai murni yang universal tersebut adalah seperti berikut :-

Amanah

- Menyedari hakikat bahawa tugas adalah amanah yang perlu dilaksanakan dengan sebaik-baiknya;
- Menghindarkan dengan rela hati kepentingan diri dari mengatasi kepentingan tugas dan
- Menentukan tiada penyelewengan dalam tugas sama ada dari segi masa, kuasa, sumber wang dan peralatan serta tenaga kerja.

Tanggungjawab

- Menerima hakikat akauntabiliti akhir adalah terhadap Tuhan, di samping pekerjaan dan majikan;
- Melakukan tugas dengan kesedaran terhadap implikasi baik dan buruknya iaitu sentiasa waspada dan jujur;
- Bersedia berkhidmat dan menghulurkan bantuan bila-bila sahaja diperlukan;
- Bercita-cita untuk tidak mengkhianati kepentingan organisasi / institusi / awam dalam menjalankan tugas dan
- Bersedia menjaga maruah agama, bangsa dan negara.

Ikhlas

- Berhati mulia dalam melaksanakan tugas tanpa mengharapkan balasan dari manusia;
- Mempunyai niat bertugas kerana Tuhan, kerana mencari rezeki yang halal serta mencari keredhaannya dan
- Mengikis sebarang unsur “kepentingan diri” dalam melaksanakan tugas sebagai asas pengisian amanah.

Benar

- Jujur dalam melaksanakan tanggungjawab;
- Bercakap benar dan menepati janji;
- Cermat dan berhemat dalam membuat keputusan;
- Bertindak berasaskan profesionalisme;
- Patuh dan setia dalam melaksanakan tugas dan
- Sanggup menerima teguran dan nasihat.

Sederhana

- Menjamin perseimbangan equilibrium dalam diri dan tugas dan
- Bersederhana dalam setiap amalan hidup, tindakan dan tingkahlaku.

Tekun

- Berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai kesempurnaan dalam tugas dan kehidupan;
- Rajin mempelajari pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan untuk membaiki taraf hidup dan
- Berusaha gigih untuk menghasilkan kerja yang memuaskan sehingga mencapai tahap cemerlang.

Bersih

- Mengamalkan kebersihan hati dalam menjalankan tugas seharian;
- Mengamalkan kebersihan pakaian, bangunan dan alam sekitar sebagai satu cara hidup;
- Bersih dalam pemilikan harta dan perjalanan tugas;
- Membuat pertimbangan yang teliti dan adil dalam membuat keputusan dan
- Menjauhi hawa nafsu dan emosi dari mempengaruhi pekerjaan dan pemikiran dalam membuat keputusan.

Berdisiplin

- Mengetahui kepentingan dan mengutamakan yang lebih penting;
- Menilai tinggi masa dan janji;
- Mengamalkan cara bekerja yang kemas dan terancang dan
- Mempunyai etika kerja dan profesionalisme yang tinggi.

Bekerjasama

- Mengamalkan sikap tolong-menolong dalam melaksanakan kerja;
- Sentiasa secara sukarela menyertai aktiviti-aktiviti organisasi sebagai sebahagian daripada usaha mempertingkatkan semangat kerjasama;
- Mengamalkan permuafakatan dalam semua perkara kepentingan bersama dan
- Mengelakkan konflik atau pertembungan kepentingan berdasarkan peribadi mengorbankan kepentingan diri yang bercanggah dengan kepentingan organisasi, agama, bangsa dan negara.

Berperibadi Mulia

- Bermanis muka sepanjang masa
- Bertimbang rasa dan bertolak-ansur
- Menghormati sesama insan dan
- Sentiasa memulakan 'pertanyaan' dengan tujuan untuk menolong.

Bersyukur

- Bersyukur kerana dapat melakukan tugas untuk menjamin kesejahteraan hidup sebagai seorang anggota masyarakat
- Berkecenderungan melihat keadaan dengan lebih positif sehingga menggerakkan untuk lebih berusaha gigih

- Menghayati budaya kerja yang bersopan dan tidak bertentangan dengan kehendak agama (nilai-nilai agama dan kerohanian)
- Tidak berbangga dengan kedudukan dan pangkat
- Tidak membazirkan perbelanjaan untuk perkara yang sia-sia;
- Berkhidmat sebagai ibadah dan
- Bercita-cita menjadi manusia yang mempunyai sumbangan yang banyak kepada masyarakat, negara dan agama.

Bermuafakat

- ‘Muafakat Membawa Berkat’. Itulah slogan yang harus dipegang oleh setiap rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum. Dengan adanya amalan muafakat sesama manusia, akan mengeratkan lagi perpaduan yang telah lama terjalin.

Bertoleransi

- Sikap toleransi sesama kaum merupakan tunjang utama kepada keharmonian dan kesejahteraan dalam kehidupan bermasyarakat.

Bertimbang Rasa

- Perasaan bertimbang rasa adalah sebahagian daripada sikap terpuji tanpa mengira perbezaan latar belakang sesuatu kaum.



Bersatu Padu

- Pengamalan berterusan budi bahasa dan nilai-nilai murni akan membawa kesepaduan dalam kehidupan bermasyarakat.

Beretika

- Semangat beretika akan lahir kepada setiap individu sekiranya ia mempunyai nilai budi pekerti yang tinggi.

Tidak Mementingkan Diri Sendiri

- Seseorang yang kaya dengan budi pekerti dan teguh dengan amalan nilai-nilai muminya tidak akan mementingkan diri sendiri.

Tiada Perasaan Curiga / Syak Wasangka

- Perasaan curiga / syak wasangka tidak akan mudah wujud dalam setiap individu yang mempunyai nilai-nilai murni.

• Konfusius •

Untuk membentuk dunia pada aturannya, kita mesti membentuk bangsanya, untuk membentuk bangsa, kita mesti terlebih dahulu membentuk keluarga, kita mesti membentuk diri sendiri mempunyai hati yang murni.



• Mother Teresa •

Setiap orang hari ini nampaknya terlalu rakus, sibuk mengejar kemajuan dan mempunyai keperluan yang tinggi. Anak-anak mempunyai masa yang sedikit untuk ibu bapa dan ibu bapa mempunyai masa yang sedikit untuk sesama mereka. Di rumah tangga bermulanya kekalutan kepada kebahagiaan dunia.

• Franklin D. Roosevelt •

Keamanan, sama seperti kebajikan. Ia bermula di rumah.

• Emely Post •

Budi bahasa adalah keperihatinan terhadap perasaan orang lain. Jika kita mempunyai keperihatinan tersebut, kita mempunyai budi pekerti mulia.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian ini dilakukan di Sekolah Menengah Kebangsaan Manek Urai, 18020 Kuala Krai, Kelantan. Tumpuan kajian ialah terhadap pelajar tingkatan Dua Sains Satu (2Sc1) di sekolah ini. Satu kelas telah dipilih dan seorang guru terlibat dalam kajian ini. Kajian ini dilakukan pada bulan Januari hingga Mac 2007. Proses penerapan nilai murni dalam pengajaran dan pembelajaran Mata Pelajaran Pendidikan Seni Visual di tingkatan dua merupakan perkara yang akan dikaji.



1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilakukan untuk mencapai beberapa objektif. Antara objektif yang diharapkan seperti :

- Melihat penerapan nilai-nilai murni dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual.
- Memerhati amalan-amalan nilai murni yang berlaku antara guru dengan pelajar dan sesama pelajar di dalam bilik darjah.
- Mengkaji keberkesanan penerapan nilai-nilai murni dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual.
- Meneliti keperluan dan kepentingan penerapan nilai murni dilakukan dalam Mata



1.4 PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini dilakukan dengan melihat beberapa persoalan yang boleh membantu dalam mendapatkan maklumat yang diperlukan.

Antara persoalan yang ditimbulkan :

1. Adakah berlaku penerapan nilai-nilai murni dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Seni Visual ?
2. Adakah amalan nilai-nilai murni berlaku dalam hubungan antara guru dengan pelajar dan sesama pelajar di dalam kelas ?





3. Adakah penerapan nilai-nilai murni berlaku dengan berkesan semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

4. Adakah penerapan nilai-nilai murni perlu dilakukan dalam Mata Pelajaran Pendidikan Seni Visual ?

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN.

Hasil dari kajian ini diharap dapat digunakan untuk membantu pihak sekolah dalam menangani masalah disiplin dan juga dapat melahirkan pelajar yang seimbang dari segi rohani dan jasmani.

Kajian ini juga diharapkan dapat memberikan maklum balas kepada pihak sekolah tentang keperluan menerapkan nilai murni semasa pengajaran dan pembelajaran berlaku. Ia dapat melatih pelajar dalam mengamalkan nilai-nilai murni dalam pergaulan di sekolah. Kebiasaan ini akan membawa kepada tingkahlaku yang sama juga semasa di rumah dan kehidupan dalam masyarakat. Ia akan dapat membantu kerajaan mewujudkan sebuah masyarakat yang harmoni dan mesra.

Hasil kajian ini juga diharapkan akan dapat membantu pihak sekolah dalam menangani masalah disiplin di kalangan pelajar dan mengurangkan masalah sosial dalam masyarakat. Apabila pelajar sudah terbiasa dengan amalan-amalan murni dalam amalan hidupnya, maka tidak menjadi masalah bagi mereka untuk menyesuaikan diri dengan pelajar lain di sekolah dan dapat membantu mereka hidup bermasyarakat. Hasrat kerajaan untuk melahirkan sebuah masyarakat yang memiliki nilai-nilai murni yang tinggi akan tercapai.





Kajian ini juga akan memberikan input kepada Pejabat Pelajaran Daerah untuk membentuk satu rangka dalam usaha mengurangkan masalah disiplin. Melalui kajian ini pihak Pejabat Pelajaran Daerah akan mendapat satu maklum balas tentang perlunya amalan nilai-nilai murni ditekankan dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual di sekolah-sekolah. Seterusnya pihak Jabatan Pelajaran Negeri juga boleh menggunakan maklumat yang diperolehi dalam merangka satu strategi dalam membentuk satu dasar yang akan membantu mengatasi masalah disiplin di kalangan pelajar. Ia juga akan dapat membentuk satu persekitaran pembelajaran di sekolah yang aman dan menyeronokkan.

1.7 BATASAN KAJIAN / SKOP KAJIAN

Kajian ini dilakukan di SMK Manek Urai Kuala Krai, Kelantan. Kajian melibatkan pelajar tingkatan dua. Sains Satu (2Sc1) di sekolah ini. Kelas Dua Sains Satu (2Sc1) telah dipilih untuk mendapatkan maklumat mengenai penerapan nilai-nilai murni dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Seorang guru dan juga seorang pelajar telah dipilih untuk di temu bual.

Tingkatan Dua Sains Satu mempunyai pelajar seramai tiga puluh orang. Pemerhatian dilakukan semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlaku. Pemerhatian dilakukan sebanyak dua kali untuk mendapatkan data yang diperlukan. Pemerhatian memfokuskan kepada perhubungan antara guru dengan pelajar, pelajar dengan guru dan antara pelajar sesama pelajar.

Untuk mendapatkan data dokumen, pengkaji telah meneliti rancangan pengajaran daripada guru Pendidikan Seni Visual yang dikaji. Data mengenai Sukatan Pelajaran,





Objektif Pendidikan Seni Visual dan juga Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Seni Visual diperolehi daripada Ketua Panitia Mata Pelajaran.

Rakaman Visual dilakukan terhadap proses pengajaran dan pembelajaran Tingkatan Dua Sains Satu sahaja. Melalui rakaman ini pengkaji boleh memerhati semula apa yang berlaku dan mendapatkan data yang diperlukan.

